

**[GANERATING QURANIK, ENSIKLOPEDIK DAN IJTIHADIK GENERATIONS  
TROUGH MARA SECONDARY EDUCATION SYSTEM (SPMRSMUA-SISTEM  
PENDIDIDIKA MRSM ULUL ALBAB]**

**MELAHIRKAN GENERASI QURANIK, ENSIKLOPEDIK DAN IJTIHADIK  
MENERUSI SISTEM PENDIDIKA MRSM ULUL ALBAB (SPMRSMUA)**

MOHAMAD RASYIDI BIN GHAZALI  
PROF. MADYA DR ASWATI BT HAMZAH

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, MALAYSIA.  
Email: rasyidighazali@student.my

---

Received: 4<sup>th</sup> November 2022

Accepted: 4<sup>th</sup> December 2022

Published: 31<sup>st</sup> December 2022

---

**Abstract**

*The Ulul Albab program is an education program at the secondary level organized by various agencies and institutions in Malaysia. Sistem Pendidikan MRSM Ulul Albab or SPMRSMUA is an education programs offered by the BPM MARA (Bahagian Pendidikan menengah MARA-MARA Secondary Education Division). This program focuses on generating of Ulul Albab generation through the implementation of three domains known as Quranic, Encyclopedic and Ijtihadik in their education program. The Ulul Albab program is seen as an educational program that develops progressively. Every year MARA allocates large sum of budget to increase the number of MRSM Ulul Albab all around Malaysia. In order to meet the community's demand to develop a balance physical, emotional, spiritual and intellectual development among the young generations, the MRSM Ulul Albab is seen as an institution which capable to meet these requirements. One of the distinctive features of the Ulul Albab program from others education program offered by BPM is the Tahfiz al-Quran program. After operating over a decade, researchers found that the information related to the Ulul Albab program is still insufficient. The Malaysian community is still not clear about the implementation concept of this Ulul Albab education program and only sees the advantages of this program from the aspect of memorizing the Quran only. In an effort to convey information to the community, the researcher felt it was necessary to reveal the implementation of the Ulul Albab program more clearly. Therefore, a qualitative study with a document review approach was conducted to fulfill this requirement.*

**Keywords:** *Ulul Albab, MRSM Ulul Albab, Quranik, Ensiklopedik, Ijtihadik*

## ABSTRAK

Program Ulul Albab merupakan program pendidikan di peringkat menengah yang dianjurkan oleh pelbagai agensi dan institusi di Malaysia. Sistem Pendidikan MRSM Ulul Albab atau SPMRSMUA merupakan program pendidikan yang ditawarkan oleh BPM MARA (Bahagian Pendidikan menengah MARA-Bahagian Pendidikan Menengah MARA). Program ini memfokuskan kepada penjanaan generasi Ulul Albab melalui pelaksanaan tiga domain yang dikenali sebagai Quranic, Ensiklopedik dan Ijtihadik. Program Ulul Albab dilihat sebagai program pendidikan yang berkembang secara progresif. Setiap tahun MARA memperuntukkan sejumlah besar peruntukan kewangan untuk menambah bilangan MRSM Ulul Albab di seluruh Malaysia. Bagi memenuhi tuntutan masyarakat untuk mengukuhkan pembangunan jasmani, emosi, rohani dan intelek yang seimbang dalam kalangan generasi muda, MRSM Ulul Albab dilihat sebagai sebuah institusi yang mampu memenuhi keperluan tersebut. Salah satu keistimewaan program Ulul Albab daripada program pendidikan lain yang ditawarkan oleh BPM ialah program Tahfiz al-Quran. Selepas beroperasi lebih sedekad, penyelidik mendapati maklumat berkaitan program Ulul Albab masih tidak mencukupi. Masyarakat masih kurang jelas tentang konsep pelaksanaan program pendidikan Ulul Albab ini dan hanya melihat kelebihan program ini dari aspek hafazan al-Quran sahaja. Dalam usaha menyampaikan maklumat kepada masyarakat, pengkaji merasakan perlu didedahkan pelaksanaan program Ulul Albab dengan lebih jelas. Oleh itu, kajian kualitatif dengan pendekatan semakan dokumen telah dijalankan bagi memenuhi keperluan ini.

**Kata Kunci:** Ulul Albab, MRSM Ulul Albab, Quranik, Ensiklopedik, Ijtihadik

## PENDAHULUAN

Negara memerlukan sumber manusia yang berkualiti dalam memacu sistem pentadbiran negara pada masa akan datang. Dalam usaha merilisasikan hasrat ini, sistem pendidikan yang diterapkan haruslah selari dengan tuntutan dan keperluan semasa. Generasi muda yang ada pada masa kini merupakan pewaris tampuk kepimpinan negara pada masa kelak. Maka seharusnya generasi ini dibekalkan dengan ilmu dan pengetahuan yang secukupnya agar mereka mampu untuk mengharungi cabaran hidup yang dilihat semakin mencabar dari masa ke semasa. Suntikan elemen spiritual dalam sistem pendidikan merupakan ejen pengawal diri yang paling berkesan dalam melahirkan generasi yang seimbang dari sudut dunia dan ukhrawi (Ahmad Munawar et al. (2012)). Oleh yang demikian, penawaran program pendidikan di negara ini harus sentiasa diteliti agar generasi muda yang dilahirkan adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai kesimbangan dari aspek perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelektual selaras dengan apa yang telah ditetapkan dalam falsafah pendidikan negara (Sidek et al, 2015).

Dalam usaha melahirkan generasi yang mampan dan berdaya saing, MARA menerusi SPMRSM (Sistem Pendidikan MRSM) telah menawarkan sebuah program pengajian yang

dikenali sebagai program Ulul Albab. Program Ulul Albab yang terapkan dalam Sistem Pendidikan MRSM Ulul Albab merupakan sebuah program pendidikan alternatif yang memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari bidang sains dan al-Quran secara formal (Umi Khalthom & Fadzilah, 2018). Program pendidikan sedia ada yang ditawarkan oleh MARA di MRSM Premier telah disuntik dengan kurikulum Ulul Albab sebagai pelengkap dalam melahirkan generasi Ulul Albab yang bersifat Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik (<https://maragov.files.wordpress.com/2017/09/pamplet-program-ulul-albab.pdf>). Pendidikan al-Quran merupakan kurikulum tambahan yang diserap ke dalam sistem pendidikan MRSM Ulul Albab. Seiring dengan perkembangan teknologi, pelajar-pelajar ini juga didedahkan dengan ilmu-ilmu teknologi berimpak tinggi melalui aktiviti domain ijtihadik yang diterapkan menerusi kelab dan persatuan seperti kelab robotic, kelab keusahawanan dan banyak lagi. Penambahbaikan dari aspek penawaran kurikulum juga telah dijalankan dengan memperkenalkan subjek dan program-program yang boleh meningkatkan kemahiran berfikir pelajar menerusi penerapan domain Ensiklopedik (Sidek et al. (2015).

Sabri (2018), Generasi Ulul Albab dapat disifatkan sebagai generasi yang manjadikan al-Quran sebagai panduan dalam melaksanakan setiap urusan dalam kehidupan. Generasi ini dikelaskan sebagai golongan yang matang dalam membuat keputusan dan sentiasa peka terhadap perkembangan teknologi semasa. Generasi Ulul Albab ini juga diharapkan bakal menjadi pakar rujuk dalam segenap aspek bagi menyelesaikan masalah ummah. Dengan berbekalkan pengetahuan dan pengalaman yang mereka perolehi semasa dalam tempoh pengajian di MRSM Ulul Albab, generasi ini diharapkan bakal menjadi pemimpin ummah yang bersifat rasional dan seimbang.

## PENYATAAN MASALAH

Pihak MARA telah lebih sedekat menganjur program ini, walaubagaimana pun pengkaji mendapati bahawa masih terlalu kurang maklumat berkaitan program Ulul Albab didedahkan kepada masyarakat umum. Tidak mustahil jika pengakji berandaian bahawa, ramai masyarakat diluar sana mengaggap bahawa program Ulul Albab yang dilaksanakan oleh MRSM adalah hanya memberi fokus kepada aktiviti hafazan al-Quran semata. Hakikatnya program Ulul Albab di MRSM mempunyai matlamat yang lebih luas dalam melahirkan produk keluaran SPMRSM UA yang dikenali sebagai Generasi Ulul Albab. Pembinaan kualiti diri sebagai generasi Ulul Albab yang mempunyai tiga karekter utama iaitu Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik perlu diperjelaskan agar masyarakat tidak terkeliru dalam memilih program pengajian yang sesuai dengan kemampuan anak-anak.

Perara kedua yang menjadi pokok kepada keperluan kajian ini adalah untuk membuat pembetulan terhadap beberapa fakta yang telah dilporkan oleh pengkaji-penagkaji terdahulu. Terdapat beberapa pengkaji diantaranya Arnieyuzi (2015), Mohammad Baihaqi (2020), dan Darul Quran (2020) yang memberi maklumat yang kurang tepat berkaitan MRSM Ulul Albab. Menjadi tanggungjawab kepada pengakji untuk melaporkan maklumat yang benar dalam membantu masyarakat memahami program Ulul Ulul Albab anjuran MARA dengan lebih baik.

Oleh yang demikian, pengkaji merasakan suatu keperluan dalam memberi maklumat kepada masyarakat secara lebih jelas berkaitan pelaksanaan domain Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik. Dengan adanya perbincangan lanjut berkaitan program Ulul Albab ini maka persoalan apakah sebenarnya yang dilaksanakan dalam program Ulul Albab di MRSM dapat difahami dengan lebih jelas.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan adalah untuk memenuhi objektif kajian berikut:

1. Meneroka aspek pelaksanaan program Ulul Albab di MRSM menerusi penerapan domain Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab persoalan kajian berikut:

1. Bagaimanakah MRSM Ulul Albab melaksanakan program Ulul Albab yang merangkumi penerapan domain Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif menggunakan kaedah kajian dokumen. Beberapa dokumen berkaitan pelaksanaan program ulul Albab di MRSM telah di kumpul dan dianalisis untuk mendapatkan maklumat berkaitan pelaksanaan program Ulul Albab di MRSM. Maklumat yang diperolehi telah di senaraikan dalam bentuk jadual agar lebih mudah difahami. Ulasan daripada analisi maklumat telah dihuraikan secara naratif dalam menghuraikan kaedah pelaksanaan domain Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik dalam Sistem Pendidikan MRSM ulul Albab.

## **ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN**

### **Sejarah Pelaksanaan program Ulul Albab di MRSM**

Pada tahun 2008, Datuk Sri Idris bin Jusoh yang merupakan pengurus MARA pada ketika itu telah menyatakan hasrat untuk menerapkan Program Ulul Albab dalam SPMRSM. Mengambil contoh kejayaan pelaksanaan program Ulul Albab yang dilaksanakan di sekolah IMTIAZ di Negeri Terengganu, sebuah kata sepakat telah dicapai oleh pihak pengurusan MARA untuk melaksanakan program Ulul Albab di MRSM (Arniyuzie, 2015). Bertitik tolak dari persetujuan itu maka Pada tahun 2009 MRSM Kotaputra di Terengganu telah dipilih sebagai MRSM Pertama yang menjalankan program ini. Program Ulul Albab ini pada dasarnya dilihat sebagai sebuah cetusan idea yang inovatif apabila tiga aliran pendidikan iaitu program pendidikan aliran sains, program pendidikan agama dan program pendidikan al-Quran (tafhiz al-Quran) digabungkan dalam satu program yang dikenali sebagai program Ulul albab.

Persediaan rapi telah dijalankan oleh pihak BPM dalam menyediakan keperluan dari segi prasarana dan sumber manusia (Buku Sistem Pendidikan MRSM, tt).

Sehingga kini program ini telah berkembang dan mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan rakyat Malaysia. Permohonan kemasukan pelajar ke MRSM Ulul Albab kian bertambah saban tahun. Untuk memenuhi permintaan ini, MARA telah menambah bilangan MRSM Ulul Albab di setiap zon di seluruh negara. <https://maragov.files.wordpress.com/2017/09/pamletprogram-ulul-albab.pdf>. Sehingga September 2009, Program Ulul Albab telah dilaksanakan Selama 13 tahun dalam SPMRSM. Perkembangan positif program Ulul Albab dapat dilihat dengan pertambahan MRSM Ulul Albab yang kina bertambah dari masa kesemasa. Sehingga September 2022, terdapat 7 buah MRSM Ulul Albab yang beroperasi di negara ini. Perincian berkaitan MRSM Ulul Albab yang masih beroperasi di Malaysia adalah seperti pada jadual 4.1.

Jadual 6.1: Senarai MRSM, negeri serta tahun pelaksanaan MRSM Ulul Albab di seluruh Malaysia.

Bil	MRSM	Negeri	Tahun
1	Kotaputra	Terengganu	2009
2	Gemencheh	Negeri Sembilan	2010
3	Kepala Batas	Pulau Pinang	2011
4	Sungai Besar	Selangor	2015
5	Bera	Pahang	2020
6	Bagan Datuh	Perak	2020
7	Semporna	Sabah	2018

Sumber: Bahagian Pendidikan Menengah MARA (2022)

### **Matlamat dan Objektif pelaksanaan program Ulul Albab dalam SPMRSM**

Menurut Chew&Sivabalan (2019), penetapan matlamat dan objektif program merupakan perkara asas dalam melaksanakan sesebuah program pendidikan. Penetapan matlamat dan objektif adalah bertujuan untuk menjadi penanda aras untuk mengukur tahap keberhasilan pelaksanaan program yang telah dijalankan. MARA telah menetapkan matlamat utama pelaksanaan program Ulul Albab di MRSM iaitu:

*“Malahirkan ahli profesional, teknokrat dan usahawan yang bukan sahaja berilmu pengetahuan tetapi mempunyai kemahiran dalam bidang keagamaan berlandaskan alQuran dan Sunnah sebagai generasi Ulul Albab. (Buku Program Ulul Albab “Ulul Albab Teras Ketamadunan Ummah”*

Sumber: Bahagian Pendidikan Menengah MARA, 2010).

Matlamat pelaksanaan program tidak dapat dicapai sekiranya tidak disokong oleh objektif pelaksanaan program. Oleh yang demikian pihak BPM dan MARA telah menetapkan empat objektf pelaksanaan program Ulul Albab. Objektif pelaksanaan program Ulul Albab dalam SPMRSM adalah seperti berikut:

1. Melahirkan generasi al-Quran yang beriman, bertakwa, berilmu, berakhhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab dan dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara.
2. Melahirkan pelajar yang berlatarbelakangkan sains dan tahfiz al-Quran yang dapat memenuhi syarat untuk mengikuti pengajian dalam bidang profesioanal dan teknikal di mana-mana universiti yang tersohor diseluruh dunia.
3. Melahirkan pelajar yang menghafal al-Quran 30 juzuk dalam tempoh 3 tahun pengajian di MRSRM dan membina budaya santifik al-Quran dengan pendekatan ICT sebagai pengupaya.
4. Melahirkan generasi al-Quran yang mengusai bahasa utama dunia.

Sumber: Buku Program Ulul Albab “*Ulul Albab Teras Ketamadunan Ummah*” Bahagian Pendidikan Menengah MARA, 2010

Berpandukan kepada matlamat dan objektif pelaksanaan program Ulul Albab yang dilaksanakan di MRSRM Ulul Albab, dapat difahami bahawa fokus utama pelaksanaan program ini bukan untuk melahirkan huffaz yang bukan hanya mampu menghafal al-Quran dengan baik, akan tetapi pelaksanaan program ini lebih tertumpu kepada melahirkan modal insan yang berkualiti dan seimbang dari aspek duniawi dan ukhrawi (Umi Khaltom et al., 2015). Perkembangan ini juga meliputi pelbagai kemahiran yang mampu membina kekuatan spiritual, intelektual dan fizikal para pelajar. Pelaksanaan program Ulul Albab di MRSRM UA dipecahkan kepada tiga domain utama iaitu domain Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik. Setiap domain yang telah dinyatakan merupakan panduan asas dalam memastikan setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran di MRSRM tidak tersasar dari matlamat awal pelaksanaan program. Berikut merupakan matlamat pelaksanaan domain Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik seperti yang termaktub dalam *Kertas Kerja Penubuhan Maktab Rendah Sains MARA Ulul Albab* (2009):

- a Quranik: melahirkan pelajar yang boleh menghafal 30 juz al-Quran serta memahami tuntutan al-Quran berdasarkan konsep BIFFAS.
- b Ensiklopedik: menghasilkan pelajar yang berpengetahuan, berkemahiran dan menjadi tempat rujukan serta mengusai pelbagai cabang ilmu dan Bahasa asing.

- c Ijtihadik: Melahirkan pelajar yang berkeupayaan memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah ummah, memaksimumkan keupayaan berfikir serta berfikiran kreatif dan inovatif.

Perincian berkaitan objektif pelaksanaan setiap domain program Ulul Albab adalah seperti maklumat yang tercatat pada jadual 4.2.

Jadual 6.2: Domain, objektif dan aktiviti dibawah program Ulul Albab

Domain	Objektif	Aktiviti
Quranik	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melahirkan huffaz yang berkemampuan Menghafal 30 juzuk al-Quran dalam tempoh 3 tahun.</li> <li>2. Melahirkan huffaz yang mampu memahami isi kandungan al-Quran dengan menggunakan konsep BIFFAS.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menghafal al-Quran</li> <li>2. Kelas tahsin al-Quran</li> <li>3. Kelas pengajian hadis</li> </ol>
Ensiklopedik	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Melahirkan generasi yang berpengetahuan dan mampu berfikir menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi.</li> <li>2. Melahirkan pelajar yang mampu untuk menjadi pakar rujuk dalam menyelesaikan masalah.</li> <li>3. Melahirkan pelajar yang mengusai pelbagai cabang disiplin ilmu.</li> <li>4. Melahirkan pelajar yang mampu berkomunikasi dalam pelbagai bahasa utama dunia dengan menguasai bahasa asing.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menganjurkan kelas bahasa asing.</li> <li>2. Menyediakan kemudahan ICT bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran.</li> <li>3. Pengajian bagi subjek aliran agama iaitu:             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. pendidikan Sunnah Syariah</li> <li>b. Bahasa Arab.</li> </ol> </li> <li>4. Mengadakan kursus dan program kemahiran seperti:             <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Kemahiran asas tingkatan 1(KAT 1)</li> <li>b. Kemahiran Amalan Belajar (KAB)</li> <li>c. MIGTY (MARA Intensive gifted Talented Youth).</li> </ol> </li> </ol>

---

d. KIKS (Kursus Insaniah  
Kemahiran Sahsiah)

---

Ijtihadik	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berkebolehan dalam berinteraksi dengan teknologi berimpak tinggi.</li> <li>2. Mampu memberi pandangan dalam menyelesaikan masalah ummah dengan mengoptimumkan:           <ol style="list-style-type: none"> <li>a Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).</li> <li>b Kemahiran rerefikiran kreatif.</li> <li>c Kemahiran berfikir secara kritis.</li> <li>d Berfikiran inovatif.</li> </ol> </li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mewujudkan kelab berteknologi tinggi seperti:           <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Kelab Robotic</li> <li>b. Kelab Dron</li> <li>c. Kelab Rekacipta</li> </ol> </li> <li>2. Aktiviti ko-kurikulum.</li> </ol>
-----------	--	--

Sumber: Kertas Kerja Penubuhan MRSM Ulul Albab, Bahagian Pendidikan Menengah MARA (2009)

### Proses melahirkan generasi Quranik

Generasi Quranik merupakan golongan yang menjadikan al-Quran sebagai pedoman dalam melaksakan setiap urusan kehidupan sehari-hari. Konsep pembelajaran al-Quran yang dianjurkan oleh Rasulullah merupakan sebuah proses yang bersistematik (Nordin, 2020). Proses pendidikan yang dianjurkan pada zaman kerasulan memberi penekanan kepada penguasaan dua bidang utama iaitu membaca dan memahami al-Quran (Muhsin Yusof (2020)). Dua kemahiran ini harus diamalkan setara agar proses pembelajaran al-Quran memberi kesan kepada orang yang mengamalkannya. Dalam usaha melahirkan generasi Quranik, sistem pendidikan yang diamalkan oleh sesebuah institusi pendidikan seharusnya menjadikan konteks kefahaman al-Quran sebagai nilai tambah dalam isi pembelajaran. Konsep BIFFAS (Baca, Ingat, Faham, Fikir, Amal, Sebar) yang diterapkan dalam kurikulum pendidikan al-Quran di MRSM merupakan satu model pendidikan yang baik yang harus diamalkan oleh setiap institusi yang menawarkan program pengajian akademik dan tafhiz al-Quran.

Ulama bersepakat menyatakan bahawa, generasi al-Quran yang sebenar adalah golongan para sahabat (Abdul Jalal, 2015). Golongan ini merupakan golongan yang mendapat pendidikan al-Quran secara terus dari Rasulullah (Zarabozo (2018)). Ada dikalangan sahabat juga menyumbangkan tenaga mereka dalam proses pembukuan al-Quran. Seterusnya mereka menabur bakti dengan menjadi wakil kepada Rasulullah dalam mengembangkan ilmu al-Quran di segenap pelosok dunia. Pernah diriwayatkan bahawa kehidupan para sahabat begitu dekat dengan al-Quran. Buktinya pada waktu malam hari, suasana di bumi Madinah terang dengan

cahaya pelita di rumah-rumah para sahabat yang begitu tekun membaca dan memahami al-Quran (Abdul Jalal, 2015). Ketekunan para sahabat membuktikan bahawa proses pembelajaran al-Quran memerlukan kesungguhan untuk menjadi golongan yang di gelar *Hamalatul Quran* (Abdul Jalal, 2015).

Dalam konteks pendidikan Ulul Albab di MRSRM, generasi al-Quran digambarkan sebagai satu kelompok manusia yang mampu untuk menghafal 30 juzuk al-Quran dengan fasih serta berkemampuan untuk mengaitkan pengajaran al-Quran dalam kehidupan sehari-hari menerusi konsep BIFFAS. Pembentukan keperibadian Muslim yang mulia menerusi pembudayaan al-Quran dalam kehidupan merupakan intisari daripada matlamat dan objektif pelaksanaan program Ulul Albab. Pembudayaan konsep pendidikan berteraskan al-Quran boleh dilaksanakan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara formal atau pembelajaran diluar kelas. Proses melahirkan generasi pemimpin negara pada masa hadapan yang mempunyai pegangan akidah yang kuat memerlukan kepada usaha dan kesungguhan seperti mana yang diamalkan oleh para sahabat Rasulullah (Sidek et al. 2015).

Sidek et al. (2015) mendapati bahawa, diantara cabaran dalam menrapkan konsep Quranik dalam program Ulul Albab adalah tiada keseragaman dalam disiplin ilmu diantara guru – guru di MRSRM ulul Albab. Guru yang mengajar al-Quran tidak mengaitkan fakta-fakta sains krika sesi pengajaran manakala guru yang mengajar subjek Sains pula kurang pengetahuan untuk mengaitkan konteks pembelajaran al-Quran semasa sesi pembelajaran. Oleh yang demikian pengkaji berpendapat bahawa proses pembumian pendidikan al-Quran seharusnya disisipkan secara tidak langsung dalam setiap subjek yang diajar di MRSRM Ulul Albab. Penerapan proses pengajaran dan pembelajaran setiap mata pelajaran yang ditawarkan seharusnya diselitkan dengan elemen-elemen kefahaman al-Quran agar pelajar dapat menghubungkaitkan konteks kefahaman al-Quran dengan kehidupan sehari-hari. Oleh yang demikian, perancangan terhadap aktiviti pembelajaran menerusi penerapan kurikulum yang diamalkan di MRSRM Ulul Albab harus dirangka dengan mengambil kira aspek penggabungan dianatara isi pembelajaran sedia ada dengan konsep kefahaman al-Quran. Dengan adanya pembudayaan pengintegrasian al-Quran dan ilmu akademik ini bakal menjadikan penerapan konsep memahami al-Quran subur dalam diri pelajar. Guru-guru harus didedahkan dengan konsep pengintegrasian ilmu agar pendidikan al-Quran dan subjek akademik saling melengkapi diantara satu sama lain.

### **Proses melahirkan generasi Ensiklopedik**

Generasi Ensiklopedik yang dilahirkan oleh MRSRM Ulul Albab adalah golongan pelajar yang mempunyai keseimbangan dari aspek intelaktual dan mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan kemahiran. (Kertas Kerja Penubuhan MRSRM Ulul Albab, 2009). Generasi Ensiklopedik yang terhasil dari SPMRSM Ulul Albab disifatkan sebagai golongan yang mempunyai kemampuan untuk berfikir secara rasional dengan panduan wahyu serta berkemampuan untuk menjadi pakar rujuk dalam pelbagai bidang pada masa akan datang.

Pembudayaan dan penerapan konsep Kemahiran Berfikiran Aras Tinggi (KBAT) merupakan ciri asas dalam proses membentuk generasi ulul albab yang berkualiti. Oleh yang demikian konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) telah diterapkan kepada semua pelajar samada menerusi sesi pembelajaran secara formal atau tidak formal. MARA meletakkan harapan agar pelajar-pelajar keluaran MRSM Ulul Albab mampu untuk menjana buah fikiran yang bernalas dalam menyelesaikan masalah diri dan masyarakat (Buku Sistem Pendidikan MRSM, t.t). Bagi memenuhi tuntutan jangka masa panjang, MRSM Ulul Albab dilihat sedang berusaha untuk membekalkan tenaga kerja pada masa akan datang yang mempunyai kemahiran berfikir dengan baik. Pembudayaan ini merupakan suatu praktis yang baik dalam usaha melahirkan pembuat keputusan (*Decision Maker*) yang baik bagi perjalanan sesebuah organisasi (Buku Sistem Pendidikan MRSM, t.t).

Penawaran subjek-subjek khusus yang menjurus kearah pembudayaan berfikir aras tinggi seperti KAB (Kursus Amalan Berfikir) dan KKB (Kursus Kemahiran Belajar) di MRSM Ulul Albab dilihat selari dengan matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak MARA. Selain penerapan elemen Ensiklopedik melalui subjek dan aktiviti pembelajaran MRSM Ulul Albab juga melaksanakan Program Pembangunan Diri Pelajar. Aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan bertujuan untuk menyuburkan nilai-nilai murni serta meningkatkan kemahiran diri pelajar telah dirancang dan dikelaskan dengan baik. Diantara aktiviti-aktiviti kemahiran yang dianjurkan bagi tujuan tersebut adalah seperti berikut:

1. Kursus Penyesuaian Diri.
2. Kursus Kemahiran Komunikasi.
3. Kursus Adab.
4. Perkembangan Kerjaya.
5. Program Amal Islami.

Sumber: <https://www.mara.gov.my/bm/pendidikan/mrsm/program-perkembangan-sahsiah/>

Usaha untuk melahirkan pemimpin yang mempunyai kualiti insan Ensiklopedik sukar untuk dirialisasikan sekiranya MRSM Ulul Albab tidak memberi penumpuan kepada amalan disiplin yang terkawal. Oleh yang demikian, pentadbir di MRSM Ulul Albab harus peka dengan hal ehwal disiplin pelajar agar pelajar yang dilahirkan dari program Ulul Albab ini tidak hanya pandai berfikir dan mahir dalam segenap aspek namun tandus dari aspek akhlak dan disiplin. Gabungan dianatara Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), *Soft Skill* dan kawalan disiplin yang baik bakal membawa generasi Ensiklopedik yang kuat dari aspek intelektual dan sahsiah diri. Pelajar harus ditekankan dengan pembudayaan akhlak islamiah agar kemenjadian mereka dari aspek kognitif selari dengan aspek pembangunan sahsiah diri.

## Proses Melahirkan Generasi Ijtihadik

Domain Ijtihadik yang diterapkan dalam SPMRSM Ulul Albab memberi fokus kepada aspek pembangunan bakat pelajar menerusi penawaran aktiviti-aktiviti ko-kurikulum di MRSM. Aktiviti ko-kurikulum terbahagi kepada tiga bahagian utama yang memberi penumpuan kepada tiga komponen iaitu terbeza, terbeza dan pengayaan. MARA menyifatkan pelajar sebagai individu yang mempunyai latar belakang, personaliti, kemahiran dan minat yang beza. Oleh yang demikian penyedian aktiviti ko-kirikulum seharusnya bersesuaian dengan kehendak dan kecenderungan pelajar. Walaubagaimana pun dalam konteks SPMRSM Ulul Albab aktiviti pelajar ditambah dengan aktiviti-aktiviti Sunnah seperti berenang, berkuda dan memanah. Selain mendedahkan pelajar aktiviti yang dianjurkan oleh Syarak, aktiviti ini juga dijalankan bertujuan untuk menajamkan penumpuan dan meningkatkan stamina pelajar. Perencian berkaitan aktiviti ko-kurikulum di MRSM Ulul Albab adalah seperti jadual 4.3.

Jadual 4.3 : Pembahagian aktiviti ko-kurikulum di MRSM UA

Pembahagian Aktiviti Ko-Kurikulum di MRSM Ulul Albab			
Teras	Terbeza	Pengayaan	Sunnah
Sukan dan permainan	Kepimpinan	Pengantarabangsaan	Berenang
Kelab persatuan	Warisan dan budaya	Khidmat masyarakat	Berkuda
Badan beruniform	Keusahawanan	SEM(Student Enrichmen Model)	Memanah
		Ihtifal Ulul Albab	

Sumber: Buku Sistem Pendidikan MRSM, Bahagian Pendidikan Menengah MARA (t.t)

Aktiviti Ijtihadik di MRSM Ulul Albab dirancang untuk melahirkan pelajar yang berkemampuan untuk menyelesaikan masalah ummah dengan daya pemikiran yang kreatif dan inovatif. Pemimpin yang bakal dilahirkan daripada program Ulul Albab diharapkan mempunyai dayatahan dari aspek emosi dan sentiasa rasional dalam membuat keputusan. Aktiviti – aktiviti ko-kurikulum yang disediakan di MRSM Ulul Albab juga mengambilkira aspek perkembangan diri pelajar selari dengan perkembangan teknologi terkini. Kelab dan persatuan yang memberi latihan dan pendedahan tentang teknologi terkini telah diwujudkan seperti Kelab Robotik, Kelab Rekacipta, Persatuan Usahawan Muda dan banyak lagi.

Untuk merialisasikan matlamat MARA dalam melahirkan generasi Ijtihadik, penganjuran setiap aktiviti ko-kurikulum haruslah selari dengan matlamat program Ulul Albab itu sendiri. Penganjuran setiap aktiviti harus mengambil kira aspek-aspek kesepedanan dengan pembentukan modal insan bergelar generasi Ulul Albab. Garis panduan pelaksanaan setiap aktiviti dan program haruslah jelas agar bersesuaian dengan pelaksanaan domain Quranik dan Ensiklopedik. Tahap kemejadian generasi Ijtihadik yang bersesuaian dengan pelaksanaan

program Ulul Albab perlu sentiasa dinilai agar pelaksanaan program ini bersifat terbeza jika dibandingkan dengan program pendidikan sedia ada.

## KESIMPULAN

Pelaksanaan program Ulul Albab di MRSM merupakan sebuah usaha yang murni. Dalam usaha membetuk jatidiri pelajar yang kuat dari aspek perkembangan fizikal dan mental program Ulul Albab dilihat sebagai sebuah program yang melengkapi semua keperluan dalam melahirkan generasi Ulul Albab seperti yang di matlamatkan oleh MARA. Suntikan elemen kerohanian dalam system pendidikan dilihat sebagai agen pengawal diri yang baik untuk membina kekuatan diri pelajar dalam mendepani anasir-anasir yang boleh merosakkan pegangan akidah dan pemikiran pelajar. Namun begitu timbul persoalan adakah pelaksanaan program Ulul Albab di MRSM telah mencapai matlamat seperti yang telah ditetapkan. Apakah mungkin pelaksaan program Ulul Albab di MRSM dilaksanakan untuk mengikut tren permintaan masyarakat terhadap system pendidikan yang mengintegrasikan program agama dan akademik. Oleh yang demikian, sebuah kajian lanjut harus dilaksanakan secara meluas dan mendalam agar pelaksaan program Ulul Albab ini tidak tersasar dari matlamat asal yang telah ditetapkan.

Sebagai generasi yang memiliki keseimbangan dari aspek spiritual dan fizikal, generasi Ulul Albab sewajarnya mengusai dan menghayati al-Quran menerusi akal, fizikal dan hati. Hal ini kerana al-Quran bukanlah sebuah kitab yang titurunkan oleh Allah kepada hambanya untuk hanya dibaca dengan alunan lagu yang mengasyikkan. Akan tetapi al-Quran merupakan sebuah kitab wahyu yang harus di teliti dan difahami maksudnya. Menjadi suatu kerugian sekiranya al-Quran hanya dipelajari dan dibaca tanpa mengetahui apakah pengajaran yang disampaikan oleh Allah sebagai panduan dan pengajaran dalam kehidupan. Proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran kepada setiap pelajar MRSM Ulul Albab harus mengambil kira dua aspek iaitu pembacaan al-Quran dan penghayatan al-Quran. Kedua-dua bidang ilmu ini merupakan asas kepada penguasaan ilmu al-Quran yang sebenar. Penghayatan al-Quran yang dipelajari seharusnya mempengaruhi tindakan pelajar Ulul Albab bagi aspek intelaktual dan fizikal. Oleh yang demikian penyelarasannya dari aspek pengajaran program ulul Albab di MRSM harus diteliti agar penggabungjalinan diantara ketiga-tiga domain iaitu Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik bebar-benar memberi impak terhadap pembentukan generasi Ulul Albab.

## RUJUKAN

Ahmad Munawar, Zakaria Stapa, Mohd Yusof Othman, Mashitoh Yaacob (2012). Islam Dalam Pendidikan dan Hubungannya Dengan Pembentukan Diri Bangsa Melayu Malaysia. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012) 37-50. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Arnieyuzie Mohd Arshad (2015), Ulasan Sistematik: Program Ulul Albab Dalam Sistem Pendidikan Malaysia, Juku: *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* Oktober 2015, Bil. 3 Isu 4, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Umi Khaltom Abdul Manaf, Nor Fadzilah Alias& Ahmad Hamimi Azman (2015). Academic Expectations of MARA Stakeholders on the Ulul Albab Curriculum at a MARA Junior Science College. *Journal of Creative Practices in Language Learning and Teaching* 3(1): 47-59.

Umi Khaltom Abdul Manaf & Fadzilah Abd Rahman (2018). Evaluating the Humanistic Curriculum Implementation of MRSM Ulul Albab Program. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 7. 10.6007/IJARBSS/v7-i14/3664.

Chew, Fong Peng and Sivabalan Tanggayah, (2019) Penilaian pelaksanaan kurikulum bahasa Tamil di sekolah kebangsaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 44 (2). pp. 41-52. ISSN 0126-6020 / 2180- 0782

Sidek Baba, Mohamad Salleh, Tareq Zayed & Ridwan Harris (2015). A Qur'anic Methodology for Integrating Knowledge and Education: Implications for Malaysia's Islamic Education Strategy. *The American Journal of Islamic Social Sciences*. 32. 1-30. 10.35632/ajiss.v32i2.262.

### Buku :

Buku Sistem Pendidikan MRSM,(2008), Bahagian Pendidikan Menengah MARA, Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur

Sabri Mohamad Sharif(2018), GENERASI ULUL ALBAB: SEGUNUNG HARAPAN SETEGUH GAGASAN.

Sejarah Perkembangan Pendidikan Tahfiz Al-Quran di Malaysia; Edisi ii, (2020), Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Buku Program Ulul Albab “*Ulul Albab Teras Ketamadunan Ummah*” Bahagian Pendidikan Menengah MARA, 2010).

Mohd Yusuf Ahmad. 2000. Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Abdul Jalal et al. (2020), Kaedah Hafazan Model Malaysia, Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya.

Nordin Ahmad et al. (2020), Kaedah Hafazan Model Malaysia, Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Putrajaya.

Zarabozo (2018) How to Approach and Understand the Quran,

**Kertas Kerja:**

Kertas Kerja Penubuhan MRSM Ulul Albab (2009), Bahagian Pendidikan Menengah MARA, Majlis Amanah Rakyat, Kuala Lumpur.

**Laporan akhbar**

Sidek Baba. 2016. Perkasa Pendidikan Tahfiz Negara. Utusan Malaysia, 27 Mac: 3.

**Laman sesawang**

<https://www.mara.gov.my/bm/pendidikan/mrsm/program-perkembangan-sahsiah/>

<https://maragov.files.wordpress.com/2017/09/pamlet-program-ulul-albab.pdf>